

08 JAN 1999

PEGAWAI DAN KAKITANGAN WISMA PUTRA UCAP TAHNIAH KEPADA PAK LAH

KUALA LUMPUR, 8 Jan (Bernama) -- Para pegawai dan kakitangan Kementerian Luar mengucapkan tahniah kepada Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi atas pelantikannya sebagai Timbalan Perdana Menteri.

Ketua Setiausaha Kementerian Luar Datuk Abdul Kadir Mohamad berkata mereka juga mendoakan agar Abdullah terus berjaya dalam tugas barunya.

"Beliau sangat disayangi oleh kakitangan dan pegawai Wisma Putra," katanya ketika dimaklumkan mengenai pelantikan Abdullah yang turut memegang jawatan Menteri Dalam Negeri.

Kadir berkata para pegawai dan kakitangan kementerian itu juga menyambut baik pelantikan Datuk Seri Syed Hamid Albar sebagai Menteri Luar yang baru.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan pelantikan Abdullah serta beberapa perubahan dalam Kabinet selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno di sini hari ini.

-- BERNAMA

AZZ FAZ